

BERITA UTAMA

- 3** BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG KE-78 TAHUN

5



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1446

11

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan

JULAI



15 Anak Damit Lahir Sempena Sambutan Ilal Hijrah 1446

7

262 Pegawai dan Kakitangan KHEU Menerima Pingat Kerja Lama

8

Malam Munajat Senegara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Yang Ke-78 Tahun

9

Keberkatan Hijrah Pembuka Pintu Rahmat

12

Zulhijah 1445H/
Muhamarram
1446H

JULAI
2024M
Bil 7 • Tahun 36



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

PENOLONG PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENOLONG KETUA PENERBIT: Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENYELARAS: Mohamad Zelihan bin Ahad •

KUMPULAN TENAGA KERJA: Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim •

Dahlan bin Chchu • Azizah binti Hidup • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin •

Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani •

PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK: Mohamad Zelihan bin Ahad •

PEMBAHAGI MAJALAH: Nurul Nabilah binti Masri •

GAMBAR: Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA MEMOHON KESABARAN

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَةُ الرَّوْكَلِ
رَبَّنَا أَفْرَغْ عَلَيْنَا صَبَرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ

ERTINYA:
Cukuplah Allah untuk menolong kami, dan la sebaik-baik Pengurus. Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam.

Lidah Pengarang

RAJA BERDAULAT NEGARA BERKAT

Negara Brunei Darussalam di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah ikon "Raja Berdaulat Negara Berkat".

Perkara ini dapat dibuktikan menerusi realiti kehidupan yang memperlihatkan kemesraan antara rakyat dan raja. Hampir semua aspek kehidupan bernegara dan berbangsa di negara ini tidak ada yang terlepas dari keprihatinan dan pemeliharaan baginda bagi terlaksananya nilai-nilai moral dan ajaran-ajaran Islam yang murni.

Kasih baginda kepada rakyat itulah yang membawa limpahan kasih sayang rakyat dan penduduk di negara ini kepada baginda. Ini jelas tergambar melalui komitmen baginda untuk menjadikan negara ini kekal sebagai sebuah negara "*Baldatun Thayibatun Warabbun Ghafur*" yang berpaksikan pada ajaran agama Islam yang suci.

Inilah antara ni'mat besar yang kita perolehi di bumi Brunei Darussalam. Menunjukkan betapa baginda sangat mengasihi rakyat baginda yang mana mahukan rakyat berjaya bukan sahaja untuk kehidupan di dunia tetapi juga di akhirat kelak.

Sememangnya rakyat dan penduduk negara ini telah muncurahkan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada baginda selaku 'ulil amri' negara ini. Ini bukan hanya satu kewajipan bahkan didorong oleh rasa kasih dan cinta rakyat jelata kepada seorang raja dan pemimpin yang sangat kasih dan mengambil berat mengenai kemaslahatan dan kebijakan rakyat baginda.

Semoga raja yang kita sayangi dilanjutkan usia, kekal qarar memerintah, adil berdaulat memimpin rakyat kekal bahagia dengan petunjuk Allah Subhanahu wa Ta'ala. Aamin Ya Rabbal 'Alamin. ■

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG KE-78 TAHUN

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang Ke-78 tahun.

KIARONG, Ahad, 09 Muharam bersamaan 14 Julai -

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-78 tahun. Majlis berkenaan juga diselajurkan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan membaca Do'a Kesyukuran. Majlis berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal



SEMBAHYANG Fardhu Maghrib dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syar'ie

3 Seri Baginda Sultan dan
m.s. Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Sembahyang Fardhu Maghrib dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat berjemaah, diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Ketua Hakim Syarie yang juga memimpin bacaan Do'a Kesukuran.

Selain tumpuan utama di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong, tumpuan bagi acara keugamaan ini juga diadakan di masjid-masjid seluruh negara iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria. Di Masjid Muhammad Jamalul Alam, hadir selaku tetamu khas ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Hadir selaku tetamu khas ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.

Di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Hadir selaku tetamu khasnya ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja semasa beramah mesra bersama jemaah setelah selesai Majlis Kesukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-78 Tahun.



YANG Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-78 Tahun Di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait



HADIR selaku tetamu kehormat Majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-78 Tahun ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha hadir selaku tetamu kehormat Majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-78 Tahun di Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1446

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



BERKENAN Berangkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah dan seterusnya membaca Do'a Awal Tahun Hijrah di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

KIARONG, Sabtu, 1 Muharam bersamaan 6 Julai – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ilal Hijrah 1446 di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Jame' Asr Hassanal

Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ilal Hijrah 1446; Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Do'a Akhir Tahun Hijrah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Sejurus itu, sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan. Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah dan seterusnya membaca Do'a Awal Tahun Hijrah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama m.s.



TURUT berangkat sama paduka-paduka anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

5 ms. Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie.

Bagi memohon berkat dan rahmat di majlis yang berkebajikan ini, Do'a Selamat dibacakan sekali lagi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie. Tema Sambutan Ijal Hijrah 1446 ialah "Memelihara Akal, Masyarakat Sejahtera". Sambutan Ijal Hijrah 1446 dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kesihatan.

Manakala di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait menjadi tumpuan bagi Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446. Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait.

Di Daerah Tutong pula, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong sebagai masjid tumpuan utama bagi Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446. Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Sambutan Ijal Hijrah 1446 peringkat Daerah Temburong pula diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong sebagai masjid tumpuan utama di daerah tersebut. Majlis dikendalikan oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong.



ANTARA jemaah yang turut hadir di Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446 di Jame' Asr Hassanal Bolkiah.



HADIR selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446 ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait.



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong.



YANG Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Ijal Hijrah 1446 di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

15 ANAK DAMIT LAHIR SEMPENA SAMBUTAN IJAL HIJRAH 1446

Oleh : Azizah Hidup



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri turut meraikan Anak-Anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Ijal Hijrah 1446.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin,

2 Muharam bersamaan 8 Julai

- Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam, mengungkayahkan Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-Anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Ijal Hijrah 1446. Majlis diadakan pagi tadi bertempat di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan dan isteri, Yang Mulia Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Manakala Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan dan Datin; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal

keperluan anak damit bernilai BND\$60.00.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengurusi Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam dan isteri, Yang Mulia Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli juga menyempurnakan pemberian hadiah berupa baucar bernilai BND\$300.00 bagi penyertaan Takaful Nur Savings dan 'Gym Mat'.

Anak-anak damit yang lahir pada 01 Muharam 1446 Hijrah juga menerima hadiah berupa barang anak damit bernilai BND\$200.00 dan buku ugama daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tahun ini seramai lima belas orang anak damit dilahirkan pada 1 Muharam sempena Sambutan Ijal Hijrah 1446, iaitu anak yang lahir bermula masuk waktu Maghrib 1 Muharam hingga berakhirknya waktu Asar 1 Muharam 1446 Hijrah.

Di Daerah Brunei dan Muara, seramai 15 orang anak damit, iaitu 9 orang anak damit lelaki dan 6 orang anak damit perempuan telah dilahirkan di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan. Manakala tiada kelahiran di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Kelahiran anak-anak damit pada Sambutan Ijal Hijrah ini diraikan dengan penuh rasa syukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam memperingati kedatangan hari yang baik dan bersejarah dalam Islam.

262 PEGAWAI DAN KAKITANGAN KHEU MENERIMA PINGAT KERJA LAMA

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada penerima-penerima warga KHEU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Muhamram bersamaan 9 Julai

Seramai 262 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya serta tenaga pengajar dari institusi-institusi pendidikan di bawah kementerian tersebut pagi tadi menerima Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun bagi Tahun 2023.

Majlis Penyampaian Pengumian Pingat-Pingat Kehormatan tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, Bandar Seri Begawan. Acara dikendalikan oleh Bahagian Dasar dan Strategik dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pengurnianan Pingat Kerja Lama adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping mengenang jasa bakti yang telah dicurahkan oleh penerima-penerima pingat sepanjang perkhidmatan mereka. Ianya juga sebagai motivasi dan penyuntik semangat kepada warga Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti kerja dengan lebih cemerlang.



Antara kriteria penerima-penerima P.K.L adalah selain genap 20 tahun perkhidmatan, penerima juga hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; memiliki sifat-sifat dan keperibadian yang terpuji serta mempunyai penilaian prestasi yang dinilai sangat baik sepanjang kebelakangan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan); Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Hj Mohd Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan); dan Yang Mulia Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Juga hadir, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

MALAM MUNAJAT SENEGARA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYMM YANG KE-78 TAHUN

Oleh : Dahlan Chuchu



MALAM munajat senegara diadakan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah bersempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Muhamram bersamaan 26 Julai

- Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Malam Munajat Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 tahun.

Malam Munajat Senegara adalah secara fizikal dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong yang dihadiri sama oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet; Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri; Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan warga kementerian-kementerian; serta ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal maupun secara maya dari 75 buah masjid



YANG Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan semasa menyampaikan tazkirah.

Abdul Aziz bin Juned, Mufti m.s.9 Kerajaan dari Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kiarong.

Tajuk tersebut mengambil suku baik menyambut dan meraikan detik bersejarah Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 yang kebetulan berlaku dalam tahun baru Hijrah 1446. Tazkirah antaranya menjelaskan pengertian Hijrah iaitu "peralihan atau perpindahan dari perkara yang tidak baik kepada yang baik atau yang lebih baik, dan dari tidak mematuhi hukum syara' kepada mematuhi hukum syara'".

Selesai tazkirah, bacaan Do'a Munajat dan Do'a Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong. Kemudiannya, Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah.

Malam Munajat Senegara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024 diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di 3 daerah yang lain iaitu Daerah Tutong, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; Daerah Belait diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; dan Daerah Temburong, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu khas di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan yang juga memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan Surah al-Fatiyah.

Daerah Belait, di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, hadir selaku

tetamu khas dan juga memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan Surah al-Fatiyah ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. ■

bacaan Saiyidul Istighfar dan Surah al-Fatiyah ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. ■

Di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong hadir selaku tetamu khas yang juga memimpin



إِنَّا هَدَيْنَاهُ الْسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Mafhumnya:
Sesungguhnya Kami telah menunjukkan jalan kepadanya (maka terserahlah kepadanya untuk memilih) sama ada dia bersyukur ataupun dia kufur.

Surah al-Insaan ayat 3

Dhari Hidayah

Majlis Pengislaman JULAI 2024

</div

KEBERKATAN HIJRAH PEMBUKA PINTU RAHMAT

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Muharam bersamaan

6 Julai - Peristiwa hijrah Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam tidak ada harga untuk disebut, melainkan ianya membawa mesej pengajaran yang termahal dalam sejarah. Ia dilihat sebagai pembuka pintu rahmat bagi umat. Dengannya, Islam mula bebas tersebar tanpa sekatan. Itulah keberkatan hijrah. Ia merupakan pembawa perubahan lebih bererti kepada kehidupan umat Islam khasnya dan kepada alam sejagat amnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Sambutan Ihal Hijrah 1446.

Konsep hijrah tidak hanya sekali berlaku, tetapi berterusan berlaku, sebagaimana maksud hadits Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, riwayat Abu Daud :

"Dari Muawiyah Radhiallahu 'anhu dia berkata : Aku telah mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : Hijrah itu tidak akan berhenti sehingga tertutupnya peluang taubat, dan peluang taubat pula tidak akan tertutup sehingga matahari terbit dari

tempat terbenamnya," titah baginda sempena Tahun Baharu Hijrah 1446.

Tema sambutan pada tahun ini, berbunyi: 'Memelihara Akal'. Dalam titah baginda, tema ini bagus, kerana akal menentukan kesempurnaan hidup.

"Manakala akal sihat, maka sihatlah hidup, dan manakala akal rosak, maka rosaklah hidup," titah baginda lagi.

Konsep memelihara akal dapat dihubungkan dengan hukum pengharaman benda-benda yang memabukkan. Manusia manakala mabuk, bererti akalnya sedang bermasalah. Orang yang mabuk, sama ada mabuk kerana arak atau ganja atau dadah, semua itu menjadi alamat bahawa akal orang yang mabuk itu adalah rosak. Kerana itu Ugama Islam sangat bertegas mengharamkan benda-benda yang memabukkan.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, kita bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita menyambut Ihal Hijrah 1446 dalam suasana aman yang diberkati.

Baginda berharap semoga tahun 1446 Hijrah ini akan memberikan semangat baharu untuk kita menjalani kehidupan berbakti. ■